



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **PEMBINAAN SEMULA KURIKULUM ASAS BAHASA MELAYU BAGI PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



05-4506832



**MUHAMMAD FAWIZ BIN BAKRI**



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBINAAN SEMULA KURIKULUM ASAS BAHASA MELAYU BAGI  
PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITI PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS**

**MUHAMMAD FAWIZ BIN BAKRI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (\)   
Kertas Projek   
Sarjana Penyelidikan   
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus   
Doktor Falsafah

<input type="checkbox"/>
<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 30.(hari bulan) 10 (bulan) 2019

i. Perakuan pelajar :

Saya, MUHAMMAD FAWIZ B. BATRI, N2014000125, FRK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBINAAN SEMULA KURIKULUM ASAS BAHASA MELAYU BAGI PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS -

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

  
\_\_\_\_\_.  
\_\_\_\_\_.


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. ZULKIFLI B. OSMAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBINAAN SEMULA KURIKULUM ASAS BAHASA MELAYU BAGI PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN RAHASIA MELAYU (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

30/10/19  
Tarikh

  
\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia

PROF MADYA DR. ZULKIFLI H.J. OSMAN  
Pensyarah  
Jabatan Bahasa & Kesusastraan Melayu  
Fakulti Bahasa & Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBINAAN SEMULA KURIKULUM ASAS  
BAHASA MELAYU BAGI PELAJAR ANWARABANGSA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

No. Matrik / Matric No.: M0141000123

Saya / I: MUHAMMAD FAWIZ B. BACRI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) from the categories below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau  
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia  
Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official  
Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh  
organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains  
restricted information as specified by the organization where research  
was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 30/10/2019

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT ATAU TERHAD, sila lampirkan surat dari pada ahli hakim yang memberi hukuman

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

**PROF MADYA DR. ZULKIFLI H.J. OSMAN**  
Pensyarah  
Jabatan Bahasa & Kesusasteraan Melayu  
Fakulti Bahasa & Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaan ilham-Nya maka disertasi ini berjaya disiapkan. Usaha pengumpulan bahan kajian, mencari data, membina kurikulum serta proses dokumentasi ini telah dibantu secara langsung dan tidak langsung oleh individu-individu berikut: Yang berbahagia Prof. Madya Dr. Zulkifli Osman, penyelia utama yang banyak memberi bimbingan, galakan dan peneguhan tanpa jemu. Bersama-sama dua penyelia Prof. Madya Dr. Dahlia Jannan dan Dr. Idris M.Radzi yang membina idea serta memberi panduan penulisan. Para informan yang memberi kerjasama dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Tenaga Nasional serta Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak dilupakan juga para rakan seperjuangan di Pusat Bahasa dan Pengajian Umum UPSI yang sentiasa memberi semangat. Berkat doa yang tiada hijab daripada Ayahanda, Bakri Hj. Awang dan Bonda, Pouziah Jaafar serta kasih sayang isteri tercinta, Kasmini Badin kepada diri ini.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina semula Kurikulum Asas Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi mengatasi masalah pembelajaran dalam kalangan pelajar antarabangsa. Adaptasi Teknik Delphi dan Teknik Analisis Kandungan Dokumen digunakan dalam kajian ini. Kajian dijalankan dalam tiga fasa, iaitu fasa analisis, fasa membina dan fasa penilaian kurikulum. Fasa analisis melibatkan proses menganalisis pandangan informan dan ciri-ciri kurikulum sedia ada. Fasa membina pula melibatkan proses membina semula kurikulum berdasarkan pandangan pakar dan buku panduan mata pelajaran umum, manakala fasa penilaian kurikulum melibatkan proses memeriksa dan menganalisis kurikulum yang dibina semula. Proses penilaian ini dilakukan dalam pusingan kedua Teknik Delphi. Lima orang pengajar mata pelajaran Asas Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa di Universiti Awam dan Swasta dilibatkan sebagai informan kajian dalam kajian ini. Informan dipilih berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu berpandukan pengalaman dan kepakaran mereka dalam Kurikulum Asas Bahasa Melayu. Informan juga dipilih berdasarkan garis panduan Skulmowski iaitu kerelaan, mempunyai masa yang mencukupi serta mampu berkomunikasi dengan baik. Temu bual semi berstruktur dan borang senarai semak digunakan sebagai instrumen kajian ini. Temu bual semi struktur digunakan untuk mendapatkan pandangan informan dari perspektif berbeza. Borang senarai semak pula digunakan untuk menganalisis kurikulum sedia ada dan kurikulum yang baru dibina. Dapatan kajian dalam fasa analisis menunjukkan wujud perbezaan antara kurikulum di institusi pengajian mengikut keperluan semasa. Selain itu, dapatan menunjukkan wujud keperluan pertambahan masa, iaitu dari dua jam menjadi tiga jam untuk satu minggu. Dapatan turut mendapati bahawa pelbagai kaedah boleh dilakukan dalam pembinaan kurikulum. Dalam fasa membina, dapatan menunjukkan bahawa pengkaji perlu menyesuaikan kurikulum dengan buku panduan matapelajaran umum selaras dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia dan ketetapan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Dalam fasa penilaian, dapatan menunjukkan pengasingan pelajar berdasarkan aras keupayaan individu boleh dilakukan sekiranya wujud tiga tahap pembelajaran dan perlunya ujian penempatan untuk mengenal pasti tahap kemahiran pelajar. Kesimpulannya kurikulum Asas Bahasa Melayu boleh dibina dengan menganalisis elemen-elemen keperluan yang wujud seperti keupayaan pelajar, tempoh masa dan kaedah pembelajaran. Implikasi kajian ini juga membawa kepada satu perspektif baharu, iaitu perlunya perubahan dalam pembinaan kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi membentuk pelajar antarabangsa yang mahir menggunakan bahasa Melayu dengan baik.





## **RECONSTRUCTION OF BASIC MALAY CURRICULUM FOR INTERNATIONAL STUDENTS IN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

### **ABSTRACT**

This research aims to reconstruct Basic Malay Curriculum in Universiti Pendidikan Sultan Idris to overcome learning difficulties among international students. Delphi Technique and Document Analysis Technique are collectively adapted in this research, conducted in three phases; analysis, reconstruction, and curriculum review. Analysis phase involves the process of synthesising the response from informants and analysing current curriculum. Reconstruction phase is a process of restructure curriculum based on thoughts among experts and general subject book, while curriculum review phase includes the critical reevaluation and analytical assessment on the newly reconstructed curriculum. This reevaluation process is done in the second round of Delphi Technique, where five Malay Basic educators for international students from public and private universities are selected as informants for this study. The informants' criteria based on purposive sampling of their experience and expertise in Malay Basic Curriculum.

Informant is also selected based on Skulmowski guideline which are, willingness, time restraints, and good communication skill ability. Semi-constructive interview and checklist form are utilised as the research instrument. Semi-constructive interview is used to extract response from the informants of various perspectives while checklist form is used to analyse current curriculum and the newly constructed one. The result in the analysis phase concludes that there differences between curriculums in the education institutions based on the current needs. In addition, the findings show that there is a need of extending period learning, from two hours to three hours in one week. The result also found that various methods can be made in curriculum development. In the building phase, the result show that researchers need to adapt the curriculum with guideline book in compliance with Ministry of Education's objective and standards from Malaysian Qualifications Agency (MQA). In the evaluation phase, the result finds categorisation of students based on individual abilities can be achieved with three levels learning classification and placement test is used as a tool to evaluate the skills. As a conclusion, the Basic Malay Curriculum can be constructed by analyzing the elements of existing needs such as student ability, time frame and learning method. The implication of this study brings new perspective where reformation in Malay Basic curriculum reconstruction is necessary to produce international students that are eloquent in Malay language.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii

### BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Soalan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Batasan Kajian	11





1.8	Definisi Operasional	13
1.8.1	Pembinaan Kurikulum	13
1.8.2	Asas Bahasa Melayu	14
1.8.3	Pelajar Antarabangsa UPSI	15

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	19
2.2	Kurikulum Asas Bahasa Melayu UPSI	20
2.2.1	Kedudukan Kurikulum	21
2.2.2	Kandungan Kurikulum	21
2.3	Ciri-ciri Kurikulum Berkesan	24
2.3.1	Keupayaan pelajar berbeza diambil kira	24
2.3.2	Tempoh pembelajaran yang mencukupi	27
2.3.3	Instrumen penilaian yang jelas	30
2.4	Perbandingan Model Kurikulum	32
2.4.1	Teori Kurikulum Bertujuan ( <i>The AIM MODEL</i> )	32
2.4.2	Teori Kurikulum Model Oliva	33
2.4.3	Teori Kurikulum Model Tyler	34
2.4.4	Kurikulum Model Saylor-Alexander	36
2.4.5	Kurikulum Model Macdonald	38
2.4.6	Kurikulum Model Taba	39
2.5	Perbandingan Antara Model Kurikulum	42
2.6	Adaptasi Model Taba	44
2.7	Kerangka Konseptual	46





2.7.1	Diagnosis	47
2.7.2	Pembentukan Objektif	48
2.7.3	Penyusunan	48
2.7.4	Menyemak Semula	49
2.7.5	Menilai Skop dan Urutan Program	49

### BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	56
3.2	Reka Bentuk Kajian	57
3.3	Kaedah Kajian	57
3.3.1	Teknik Delphi	57
3.3.2	Teknik Analisis Kandungan	58
3.4	Fasa Gerak Kerja	63
3.4.1	Fasa 1 : Menganalisis Keperluan	63
3.4.2	Fasa 2: Membina Kurikulum	64
3.4.3	Fasa 3: Menilai kurikulum	64
3.5	Informan	65
3.6	Instrumen Kajian	66
3.6.1	Temu bual	66
3.6.2	Prosedur Analisis Data Temu Bual	67
3.7	Cara Pengumpulan Data	68
3.7.1	Protokol Temu Bual	69
3.8	Menguji Rintis Soalan Temu bual	71
3.8.1	Analisis Data Temu bual Rintis	72





3.8.2	Analisis Data Temu bual	78
3.9	Rangka Kurikulum	80
3.10	Analisis Data Dokumen	92
3.11	Kerangka Metodologi	93

#### **BAB 4 ANALISIS DATA**

4.1	Pendahuluan	95
4.2	Dapatan Data	96
4.2.1	Fasa 1: Analisis Aspek Keperluan	97
4.2.2	Fasa 2: Membina Kurikulum	136
4.2.3	Fasa 3: Penilaian Kurikulum	147



#### **BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN & CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	152
5.2	Rumusan Kajian	153
5.2.1	Apakah kekuatan dan kelemahan kurikulum sedia ada berbanding dengan kurikulum universiti awam dan swasta yang lain?	153
5.2.2	Apakah pandangan pakar & pengamal bidang terhadap tempoh masa pengajaran & pembelajaran kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi menerapkan 4 kemahiran berbahasa untuk pelajar antarabangsa UPSI?	154
5.2.3	Adakah Pengasingan Kelas Berdasarkan Keupayaan Pelajar itu Penting?	156





5.2.4 Adakah Wujud Keperluan Ujian Penempatan bagi Mengenal Pasti Tahap Keupayaan pelajar dalam Kurikulum Asas Bahasa Melayu	158
5.2.5 Apakah Kaedah Pengajaran Pakar & Pengamal Bidang Terhadap Kebolehlaksana-an Kurikulum yang dibina Serta Pengaruhnya Ter-hadap Suasana Pembelajaran Bahasa Melayu bagi Pelajar Antarabangsa	160
5.2.6 Adakah Kurikulum Baharu bagi Mata pelajaran Asas Bahasa Melayu untuk Pelajar Antarabangsa UPSI berdasarkan Pandangan dan Cadangan Pakar & Pengamal Bidang dari Universiti Awam dan Swasta boleh dibina?	162
5.2.7 Apakah Cadangan serta Pandangan Pakar & Pengamal Bidang Asas Bahasa Melayu bagi Kaedah Pengajaran Kurikulum Baharu	163
5.3 Implikasi Dapatan Kajian	164
5.3.1.1 Implikasi kepada UPSI	164
5.3.2 Implikasi kepada Masyarakat	165
5.3.3 Implikasi Kepada Teori	167
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	169
5.4.1 Kajian Sikap Pelajar dan Kesan Pembinaan Semula Kurikulum Asas Bahasa Melayu Bagi Pelajar Antarabangsa UPSI.	169
5.4.2 Jadual Spesifikasi Ujian Penempatan bagi Kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi Pelajar Antarabangsa	170
5.4.3 Pembinaan Modul bagi Kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi Pelajar Antarabangsa UPSI.	170
5.5 Kesimpulan	171





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Statistik Bilangan Pelajar Antarabangsa di UPSI Mengikut Negara	17
2.1 Hasil Pembelajaran Kursus Asas Komunikasi Bahasa Melayu	20
2.2 Jadual Pembelajaran Kurikulum Asas Komunikasi Bahasa Melayu	23
2.3 Pengiraan Kredit Jam Pembelajaran Berasaskan MQF	29
2.4 Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia	51
2.5 Kaedah Penetapan Kod Kursus	54
3.0 Tarikh Temubual dan Pengesahan Transkripsi	72
3.1 Pengekodan Kajian Rintis Temu Bual	73
3.2 Tarikh temu bual dan Pengesahan Transkripsi	78
3.3 Pengekodan Data Temu bual	79
3.4 Pemetaan Penetapan Kod Kursus	90
3.5 Pengekodan Analisis Data Dokumen	92





4.0	Pengekodan Analisis Data Dokumen	97
4.1	Analisis Semakan Dokumen	98
4.2	Data Peruntukan Masa	101
4.3	Ringkasan Data Peruntukan Masa	110
4.4	Data Keupayaan Pelajar	113
4.5	Keperluan Pengasingan Kelas Berdasarkan Keupayaan pelajar	120
4.6	Data Pentaksiran	122
4.7	Keperluan Ujian Penempatan untuk Mengenal Pasti Tahap Keupayaan Pelajar	128
4.8	Pengekodan dan Kaedah Pengajaran Berdasarkan Data Temu bual	130
4.9	Pengiraan Kredit Jam Pembelajaran berdasarkan MQF	142
4.10	Sukatan Tahap 1 bagi 14 Minggu Masa Pembelajaran	143
4.11	Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia	144
4.12	Topik Pengajaran dan Pembelajaran bagi Tahap 2 Kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi Pelajar Antarabangsa UPSI	146





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Proses Pembelajaran Berasaskan Model Kurikulum Bertujuan	33
2.2 Carta alir Model Kurikulum Tyler	34
2.3 Proses Pengembangan Kurikulum Model Saylor-Alexander	37
2.4 Kerangka Konseptual Pembinaaan Kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi Pelajar Antarabangsa UPSI	46
2.5 Contoh Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia	52
2.6 Justifikasi Penetapan Kod Kursus	53
3.1 Analisis Suntingan	60
3.2 Analisis Jenis Kerangka	60
3.3 Senarai Semak Analisis Kandungan Kurikulum	61
3.4 Senarai Semak Pakar Bidang bagi Efikasi Kendiri Kurikulum Asas Bahasa Melayu	62
3.5 Carta Alir Fasa Gerak Kerja Pertama	63
3.6 Carta Alir Fasa Gerak Kerja Kedua	64





3.7	Carta Alir Fasa Gerak kerja Ketiga	65
3.8	Templat Rangka Kursus Mengikut Ketetapan Bahagian Hal Ehwal Akademik UPSI	83
3.9	Tempat Rancangan Instruksional Mengikut Ketetapan Bahagian Hal Ehwal Akademik UPSI	86
3.10	Templat Penjajaran Pentaksiran dengan Hasil Pembelajaran Kursus Mengikut Ketetapan Bahagian Hal Ehwal Akademik UPSI	88
3.11	Penetapan Kod Kursus	91
3.12	Kerangka Metodologi	93





## SENARAI SINGKATAN

BHEA	Bahagian Hal Ehwal Akademik
DHP KKM	Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia
FBK	Fakulti Bahasa dan Komunikasi
iCGPA	Integrated Cumulative Grade Point Average
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
ISEP	International Student Exchange Program
JPT	Jabatan Pengajian Tinggi
LO	Learning Outcome
MOOC	Massive Open Online Course
MQA	Malaysian Qualification Agency
MFQ	Malaysian Qualification Framework
PBPU	Pusat Bahasa dan Pengajian Umum
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu
UA	Universiti Awam
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNIKL	Universiti Kuala Lumpur
UNITEN	Universiti Tenaga Nasional Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

## **SENARAI LAMPIRAN**

- A Transkripsi Kajian Rintis Temu bual**
- B Transkripsi Data Temu bual**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



p

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bab ini akan dibincangkan latar belakang, pernyataan masalah, objektif, soalan dan kepentingan kajian serta batasan kajian. Soalan kajian dan definisi operasional turut dibincangkan dalam bab ini.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Tatkala Kerajaan Malaysia mengumumkan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkuuhkan Bahasa Inggeris pada 08 Julai 2009, satu langkah yang progresif perlu diambil bagi memartabatkan bahasa Melayu. Melihat kepada kewujudan ramai pelajar



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



asing di Malaysia sepanjang tahun telah memberi satu petanda bahawa wujudnya peluang untuk para intelektual bahasa memartabatkan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa melalui sektor pendidikan. Kehadiran pelajar asing ke Malaysia seharusnya diberi pendedahan tentang bahasa Melayu dari peringkat asas lagi. Pendedahan ini penting sebagai persediaan mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu ketika belajar di Malaysia. Justeru, hubungan dua hala antara Institusi Pengajian Tinggi tempatan dan luar negara dilihat sebagai salah satu peluang bagi mengembangkan bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) turut tidak ketinggalan dalam konteks jalinan hubungan dua hala melalui program pertukaran pelajar antara universiti luar negara bagi merealisasikan misi pengantarabangsaan bahasa Melayu.

Apabila para pelajar asing ini tiba ke UPSI, mereka sudah tentu perlu didedahkan dengan sistem sosialisasi dan budaya rakyat berbilang-bangsa di Malaysia. Selain itu penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara juga tidak seharusnya dipinggirkan. Masyarakat umum mengetahui bahawa pendidikan merupakan bidang yang sentiasa berkembang mengikut arus pemodenan. Lantaran itu, proses memartabatkan bahasa Melayu melalui bidang pendidikan perlu diperluas melalui satu kurikulum berkaitan Asas Bahasa Melayu dan didedahkan kepada pelajar antarabangsa ini agar mereka mampu menjadi pengguna kompeten bahasa Melayu.

Kurikulum merupakan satu elemen terpenting dalam membentuk acuan pendidikan sesebuah komuniti. Tarigan, (1993) mendefinisikan kurikulum sebagai prinsip dan prosedur bagi perencanaan, implementasi, evaluasi dan pengelolaan suatu rancang-bangun program pendidikan. Daniel dan Laurel (2006) pula berpendapat





kurikulum adalah suatu pengalaman pembelajaran yang terencana dan terarah yakni disusun melalui proses penstrukturran. Penstrukturran ini meliputi aspek pengetahuan dan pengalaman yang bersistematik di bawah pengawasan lembaga kementerian pendidikan dan pengajian tinggi agar pelajar terus memiliki minat untuk belajar dalam meningkatkan kompetensi sosial peribadi.

Di UPSI, pengukuhan Asas Bahasa Melayu sebenarnya telah wujud melalui mata pelajaran Asas Komunikasi Bahasa Melayu dengan kod kursus BMU 3052 sebagai kursus audit sejak tahun 2009 seiring dengan penubuhan Pusat Bahasa Moden. Sasaran kursus ini ialah pelajar asing di UPSI yang berminat untuk mempelajari bahasa Melayu. Menyedari hakikat betapa pentingnya komunikasi bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa diperkuuhkan di UPSI, pada tahun 2014 kursus ini telah ditukar kepada kursus berkredit dan semua pelajar asing di UPSI diwajibkan mengambil kursus ini sepanjang tempoh pengajian. Secara asas, kursus ini menekankan penguasaan kemahiran asas bahasa Melayu agar pelajar dapat berkomunikasi dengan baik. Pelajar diajar sistem fonetik, suku kata, frasa kata dan asas tatabahasa bahasa Melayu. Fokus utama adalah menguasai kemahiran asas berkomunikasi dalam bahasa melayu merangkumi aspek mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Dalam proses membina kurikulum Asas Bahasa Melayu, justifikasi bahan dan silibus wajar diselaraskan dengan beberapa prinsip dan kaedah pemilihan. Silibus seharusnya bersandarkan bahan yang bersifat dinamik dan konstruktif untuk murid mengupayakan rangsangan pembelajaran (Hubbard, 2008). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa prosedur pendekatan yang berbeza sudah tentu akan memberi





impak yang berbeza tahapnya. Namun demikian kebanyakan kurikulum yang digubal di Malaysia bersandarkan pihak luar sekolah atau institusi yang dibina secara umum kemudian diturunkan kepada khusus seperti Bahagian Pengembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini selari dengan pendapat Berman, & McLaughlin (1976), perlaksanaan kurikulum dianggap berjaya apabila guru melaksanakan seperti yang dihasratkan oleh kurikulum kebangsaan dan kejayaan itu bergantung kepada adaptasi persekitaran pembelajaran.

Situasi di UPSI pula, majoriti pelajar asing bahasa Melayu merupakan pelajar dari negara yang berbeza latar belakangnya. Terdapat pelajar menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua seperti pelajar dari Selatan Thailand dan Indonesia. Mereka fasih berkomunikasi dalam bahasa Melayu namun agak bermasalah untuk membina penulisan bahasa Melayu disebabkan oleh gaya penulisan yang berbeza. Terdapat juga pelajar yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga selepas bahasa Ibunda dan bahasa Inggeris. Pelajar sebegini merupakan pelajar yang langsung tidak mampu menguasai bahasa Melayu dan memerlukan bimbingan 100 peratus daripada pengajar. Kebanyakan pelajar ini berasal dari benua Amerika, Eropah, Asia Timur seperti China dan Jepun serta Afrika. Bagi sebilangan kecil pelajar Asia Timur seperti Korea Selatan mereka telah mengikuti kelas persediaan di negara asal dan boleh berbahasa Melayu-Indonesia secara asas namun tidak begitu fasih. Justeru, kesemua pelajar ini sudah tentu perlu didedahkan dengan kemahiran bahasa Melayu peringkat asas bagi memberi pendedahan dan mengukuhkan kemahiran komunikasi.



### 1.3 Pernyataan Masalah

Dalam bidang Asas Bahasa Melayu, pelajar boleh mengembangkan kemahiran berbahasa Melayu berdasarkan tahap penguasaan dan keupayaan masing-masing. Namun demikian, di UPSI hanya satu kursus sahaja iaitu, Asas Komunikasi Bahasa Melayu (BMU3052) yang ditawarkan bagi kesemua pelajar antarabangsa tanpa mengambil kira tahap keupayaan dan penguasaan pelajar. Tahap keupayaan yang berbeza antara pelajar mahir, sederhana dan lemah ini sudah tentu akan mengakibatkan pelajar yang tiada pengetahuan asas bahasa Melayu mengambil masa yang agak lama untuk mengikuti satu-satu slot pembelajaran berbanding pelajar yang telah mempunyai pengetahuan sedia ada. Hal ini bertepatan dengan pendapat Henson (1995), pelajar lemah memerlukan bahan konkret dan panduan bagi mengaplikasi pengetahuan baharu manakala pelajar yang mahir memerlukan cabaran yang lebih besar dalam situasi yang berbeza. Jika keadaan ini berterusan, para pelajar akan menghadapi masalah lebih besar untuk mengikuti pembelajaran.

Selain itu, kursus BMU 3052 dilaksana hanya dua jam sahaja bagi setiap minggu dan berlangsung dalam masa 14 belas minggu. Jika dikira hipotesis pembahagian masa pembelajaran, semakin lama masa didedahkan kepada pelajar bagi sesuatu sesi pembelajaran, maka semakin mahirlah pelajar tersebut dalam bidang yang dipelajari. Justeru, pembahagian jam pembelajaran yang terhad yakni dua jam bagi satu minggu sudah tentu tidak dapat menjadikan mereka sebagai pengguna kompeten bahasa Melayu kerana keupayaan yang berbeza dan tidak bersedia untuk menerima input. Kesediaan pelajar amat bergantung kepada tahap pengetahuan sedia ada pelajar dan inisiatif mereka



dalam meneroka pembelajaran berdasarkan bahan yang disediakan. Namun demikian, dengan pembahagian jam pembelajaran yang terhad menyebabkan motivasi mereka untuk mempelajari bahasa Melayu menjadi tidak konsisten. Keadaan ini seiring dengan pendapat Henson, (1995) iaitu, “... *developmental time should put the important concepts and skill in a broader context in order to extend the student's understandings of those ideas,*” (ms.376), yakni masa yang diperlukan oleh pelajar untuk mengenal pasti dan membangunkan konsep pembelajaran adalah sama seperti masa mereka guna untuk belajar sesuatu konsep dan akan memberi kesan terhadap pencapaian.

Selain itu, keupayaan individu juga memainkan peranan penting dalam pembangunan pelajar. Keupayaan ini juga dikenali sebagai *Intra-Individual Variability*.

Paul Van Geert dan Marijn Van Dijk (2012), mentakrifkan *Intra-Individual Variability* ialah perbezaan tahap pemboleh ubah dalam pembangunan individu bagi sesuatu bidang.

Namun demikian dalam mata pelajaran Asas Komunikasi Bahasa Melayu di UPSI, tiada instrumen khas diwujudkan bagi menilai keupayaan pelajar mengikut tahap, dan keadaan ini menyukarkan pensyarah dalam menilai keupayaan sebenar pelajar dalam bidang asas bahasa Melayu. Hal ini mampu memberi kesan yang besar kepada prestasi pelajar kerana bahasa pengantar utama di UPSI ialah bahasa Melayu.

Maka pengkaji akan membina kurikulum dengan mengadaptasi model Taba iaitu, pembinaan kurikulum secara khusus dan menuju ke arah umum. Hilda Taba (1962), berpendapat bahawa kurikulum seharusnya direka bentuk oleh para guru berbanding kurikulum yang diterima oleh guru daripada kerajaan. Hal ini bermakna proses pengembangan kurikulum dengan pembinaan unit-unit pembelajaran seharusnya





bermula di sekolah atau institusi pendidikan dan bukan dari reka bentuk daripada pihak luar sekolah yang dibina secara umum. Justeru, kurikulum Asas Bahasa Melayu di UPSI yang mengikut standard atau tahap keupayaan pelajar perlu diwujudkan bagi memastikan pelajar asing bahasa Melayu di UPSI mampu menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Kajian secara serius mengenai penutur asing bahasa Melayu memang telah dilakukan secara terperinci oleh sarjana pendidikan. Kebanyakan kajian dilakukan lebih berfokus pada pembinaan instrumen penilaian, pembinaan modul, penilaian strategi, kepuasan dan sikap pelajar antarabangsa dalam konteks kemahiran berbahasa Melayu. Zamri (2014), menyatakan bahawa penguasaan pelajar asing terhadap bahasa Melayu disebabkan oleh kekerapan menggunakan strategi pertandaharaan kata berbanding strategi mendengar, membaca, menulis dan bertutur dalam pemilihan strategi pembelajaran Bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa strategi pertandaharaan kata membantu pelajar asing memilih kata yang sesuai untuk digunakan dalam pertuturan.

Faizah Abd Manan, Zamri Mahamood dan Amin M. Embi (2010), di UKM pula mendapati bahawa 365 orang (31.2%) daripada sejumlah 926 pelajar asing yang mengikuti kursus Bahasa Melayu dari tahun 2005 hingga 2009 berada dalam kategori lemah dan gagal. Pelajar tersebut dikatakan masih belum mampu menguasai kesemua kemahiran berbahasa Melayu yang dipelajari dengan baik. Juriah Long et.al (2003) pula mendapati sebahagian besar pelajar daripada sejumlah 120 pelajar asing di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tidak dapat menguasai keempat-empat kemahiran berbahasa iaitu, bertutur, membaca, menulis dan mendengar serta aspek tatabahasa





sepenuhnya. Kebanyakan mereka boleh menguasai kemahiran mendengar dan membaca tetapi lemah dalam aspek tatabahasa dan bertutur.

Justeru, kurikulum asas bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI perlu dibina berdasarkan reaksi para pakar dan pengamal bidang asas bahasa Melayu. Selain itu pengkaji juga akan membuat unjuran komparatif antara kurikulum asas bahasa Melayu sedia ada dengan kurikulum asas bahasa Melayu dari IPTS dan MQA yang terpilih melalui Teknik Analisis Dokumen. Teknik Delphi pula digunakan sebagai salah satu kaedah kutipan data dari kalangan informan bagi membina kaedah pengajaran dan perancangan strategik penggunaan bahan yang bersesuaian dengan kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa di UPSI.



#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau peranan kurikulum sebagai medium pemudah cara dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat lima objektif kajian yang telah dibina. Objektif kajian ini sangat penting bagi memastikan kajian yang dijalankan mempunyai matlamat dan tujuan sebenarnya.

- i) Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kurikulum sedia ada melalui perbandingan dengan kurikulum universiti awam dan swasta yang lain.
- ii) Mengkaji pandangan pakar dan pengamal bidang terhadap tempoh masa pengajaran dan pembelajaran dalam kandungan kurikulum Asas Bahasa Melayu.





- iii) Mengenal pasti kepentingan pengasingan kelas berdasarkan tahap keupayaan pelajar.
- iv) Menganalisis keperluan ujian penempatan bagi mengenal pasti tahap keupayaan pelajar dalam Kurikulum Asas Bahasa Melayu .
- v) Menyenaraikan kaedah pengajaran pakar dan pengamal bidang bagi mewujudkan suasana pembelajaran Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa yang berimpak tinggi.
- vi) Membina kurikulum baharu bagi mata pelajaran Asas Bahasa Melayu bagi Pelajar Antarabangsa UPSI berdasarkan cadangan serta pandangan pakar dan pengamal bidang dari universiti awam dan swasta.
- vii) Mengenal pasti cadangan serta pandangan pakar dan pengamal bidang asas bahasa Melayu bagi kaedah pengajaran kurikulum baharu.



## 1.5 Soalan Kajian

Bagi melihat kurikulum sebagai panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Asas Bahasa Melayu di UPSI, empat soalan kajian telah dikenal pasti oleh pengkaji iaitu,:

- i) Apakah kekuatan dan kelemahan kurikulum sedia ada berbanding dengan kurikulum universiti awam dan swasta yang lain?
- ii) Apakah pandangan pakar dan pengamal bidang terhadap tempoh masa pengajaran dan pembelajaran dalam kandungan kurikulum Asas Bahasa Melayu.
- iii) Adakah pengasingan kelas berdasarkan tahap keupayaan pelajar itu penting?





- iv) Adakah wujud keperluan ujian penempatan bagi mengenal pasti tahap keupayaan pelajar dalam Kurikulum Asas Bahasa Melayu?
- v) Apakah kaedah pengajaran pakar dan pengamal bidang terhadap kebolehlaksanaan kurikulum yang dibina serta pengaruhnya terhadap suasana pembelajaran bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa?
- vi) Adakah kurikulum baharu bagi mata pelajaran Asas Bahasa Melayu bagi Pelajar Antarabangsa UPSI berdasarkan cadangan serta pandangan pakar dan pengamal bidang dari universiti awam dan swasta boleh dibina?
- vii) Apakah cadangan pakar dan pengamal bidang asas bahasa Melayu bagi kaedah pengajaran kurikulum baharu?

## 1.6 Kepentingan Kajian



Kepentingan kajian ialah pembinaan kurikulum ini semestinya mampu mengisi kelompongan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam aspek penutur asing yakni pelajar antarabangsa di UPSI dan isu-isu yang timbul dengan melihat keberkesanan bahan pengajaran dan pembelajaran sedia ada sebagai jalinan komunikasi. Selain itu, ia juga dapat menjelaskan isu-isu yang berkaitan dengan suasana pengajaran dan pembelajaran khususnya pelajar asing bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi luar negara. Selain itu kajian ini juga diharapkan memberi implikasi positif terhadap perkembangan pendidikan di UPSI melalui penambahbaikan daripada saranan pengamal kurikulum Asas bahasa Melayu. Melalui saranan tersebut juga ianya juga mampu memberi unjuran-unjuran positif yang signifikan dengan matlamat untuk memantapkan





lagi penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa. Keadaan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada individu, namun turut memberi nilai intelektual kepada negara apabila jurang kebahasaan berjaya dirapatkan. Oleh itu, pengkaji berharap kajian ini mampu memberi sumbangan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu secara keseluruhannya.

### 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada pandangan pakar dan pengamal asas Bahasa Melayu terhadap isu penggunaan serta penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam membentuk kemahiran berkomunikasi asas bahasa Melayu secara holistik. Pemilihan

pelajar antarabangsa di UPSI sebagai kajian kes disebabkan oleh potensi yang wujud dalam kalangan pelajar antarabangsa tersebut untuk diperkembangkan tahap komunikasi mereka dalam bidang bahasa Melayu. Selain itu, pelajar antarabangsa dari pelbagai negara seperti pelajar antarabangsa UPSI sering kali memilih Malaysia sebagai salah satu destinasi untuk mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu kajian ini akan menjadi landasan untuk menjayakan misi mengantara bangsaan bahasa Melayu bagi komuniti tersebut.

Melalui analisis kajian ini akan menjadi tumpuan khusus dalam dunia penyelidikan bahasa Melayu dan dapat diperkembangkan pada masa hadapan bagi memastikan hasrat kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu di peringkat



antarabangsa berjaya dilaksanakan. Namun demikian, pada peringkat permulaan, pembinaan kurikulum bahasa Melayu ini akan memfokuskan pelajar antarabangsa peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda sahaja berdasarkan faktor keberadaan mereka di UPSI dan mampu memberi komitmen sepenuhnya untuk menghadiri kuliah berbanding dengan pelajar peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah yang jarang berada di UPSI atas komitmen melaksanakan kajian mereka. Di samping itu, batasan kajian ini menjurus pada lingkungan kawasan institusi pengajian tinggi awam UPSI sebagai satu fokus kajian. Pemilihan lingkungan kawasan ini dibuat memandangkan UPSI telah berusaha menyebarluas misi pengantarabangsaan dengan menggalakkan kemasukan pelajar antarabangsa yang semakin meningkat setiap tahun. Selain itu UPSI turut menggalakkan pelajar asing mempelajari bahasa Melayu standard bagi memastikan mereka bersedia untuk menyesuaikan diri ketika belajar di Malaysia kelak. Selain faktor demografi dan struktur pembangunan penduduk. Pemilihan UPSI agak jelas mampu mempengaruhi kredibiliti kajian sebagai satu langkah awal untuk mencari solusi dalam aspek pembinaan kurikulum Asas Bahasa Melayu untuk pelajar antarabangsa.

Kajian ini juga turut mengadaptasi teknik Delphi bagi pelaksanaan kutipan data. Berbanding proses teknik Delphi yang mengutip data melibatkan beberapa pusingan sehingga tepu maklumat, pengkaji hanya melakukan proses kutipan data sebanyak dua kali pusingan bagi proses pembinaan kurikulum Asas Bahasa Melayu untuk Pelajar Antarabangsa setelah mengambil kira tempoh kajian pengkaji. Sekiranya perlu, penilaian skop dan semakan semula data boleh dilakukan melalui pusingan seterusnya pada kajian lanjutan. Selain itu, proses pembinaan kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi Pelajar



Antarabangsa UPSI juga turut mengadaptasi Model Taba. Hal ini bermakna, beberapa langkah Model Taba telah diadaptasi dalam proses pembinaan kurikulum tersebut bagi disesuaikan dengan tempoh kajian. Adaptasi Model Taba berlandaskan langkah-langkah relevan yang perlu diambil bagi proses pembinaan kurikulum Asas Bahasa Melayu. Langkah-langkah mencuba unit yang dihasilkan dan penilaian secara berterusan yang diunjurkan oleh Model Taba tidak guna pakai oleh pengkaji atas faktor tempoh masa yang terhad. Namun demikian langkah tersebut boleh dibuat melalui kajian lanjutan yang akan dicadangkan oleh pengkaji dalam bab lima.

## 1.8 Definisi Operasional



Definisi operasional melibatkan pendefinisian istilah berkaitan dengan pembinaan semula kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa UPSI merangkumi pernyataan masalah.

### 1.8.1 Pembinaan Semula Kurikulum

Maksud pembinaan semula kurikulum dalam kajian ini ialah pernyataan tujuan yang menunjukkan pemilihan dan organisasi kandungan pengajaran yang dapat melancarkan pola pembelajaran tertentu yang akan diaplikasikan oleh masyarakat. Hal ini berlaku disebabkan oleh tahap keupayaan pelajar yang berbeza akan menyebabkan pelajar mahir akan mendominasi kelas dan menyebabkan pelajar yang lemah tersisih. Jika tenaga





pengajar memfokuskan pelajar lemah pula, pelajar yang sudah menguasai asas bahasa Melayu akan berasa agak bosan ketika berada di dalam kelas kerana mengambil masa yang lama bagi proses pengajaran. Mereka memerlukan satu lagi tahap baharu bagi mengasah kemahiran mereka. Hal ini demikian kerana kursus BMU 3052 lebih berfokus kepada asas bahasa Melayu peringkat permulaan semata-mata. Justeru, pembinaan semula kurikulum pada umumnya akan memperbaiki masalah yang timbul dan turut menjadi entiti dalam menyempurnakan kurikulum yang sedang dilaksanakan bagi proses penambahbaikan sesuatu mata pelajaran. Keadaan ini selari dengan pendapat beberapa orang tokoh akademik iaitu, Taba (1965) dalam Olivia (1992) menyatakan bahawa kurikulum adalah sebuah rancangan pembelajaran yang disusun dengan mempertimbangkan pelbagai hal mengenai proses pembelajaran serta perkembangan individu. Bagi Parida (2007) kurikulum ialah rancangan pengajaran atau sejumlah mata pelajaran yang disusun secara sistematis untuk menyelesaikan suatu program bagi memperoleh ijazah.

### 1.8.2 Asas Bahasa Melayu

Kursus Asas Bahasa Melayu dalam kajian ini ialah satu mata pelajaran yang diperkenalkan bagi membantu pelajar asing agar boleh berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu dalam tempoh masa yang munasabah. Meskipun sebutan bahasa Melayu agak mudah disebut tetapi sukar difahami tanpa mengetahui intipati Melayu penuturnya. Kursus Asas Bahasa Melayu diperkenalkan di kebanyakan institut pengajian tinggi yang mempunyai pelajar antarabangsa dengan kod kursus dan nama yang berbeza. Meskipun





mempunyai kod kursus dan nama yang berbeza, tetapi matlamat kursus tetap sama iaitu, memperkenalkan bahasa Melayu dan mengajar pelajar antarabangsa yang tidak tahu atau tidak mampu berbahasa Melayu dengan baik. Justeru, tempoh masa yang mencukupi bagi membolehkan pelajar mengikuti kursus ini amat perlu. Melalui kursus ini, pelajar dapat memahami, mengungkapkan, menulis ayat-ayat bahasa Melayu yang diperdengarkan di samping dapat bertutur dalam bahasa Melayu. Pada peringkat asas ini aspek tatabahasa tidak diberi penekanan secara serius. Latihan kemahiran komunikasi berdasarkan situasi dibuat agar dapat menghasilkan pelajar antarabangsa yang mahir berbahasa Melayu. Oleh itu, pemilihan tajuk-tajuk dalam kursus asas bahasa Melayu dibuat secara berkesinambungan dan kesemua bab dihubung melalui aktiviti pengukuhan agar pelajar terus menguasai bahasa ini dengan baik.



### **1.8.3 Pelajar Antarabangsa Universiti Pendidikan Sultan Idris**

Tidak seperti sesetengah universiti atau institut pengajian tinggi menyediakan Ujian Kecekapan Bahasa Melayu bagi menguji kemahiran pelajar berdasar keperluan semasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) tidak menyediakan instrumen khas bagi menilai tahap kecekapan berbahasa Melayu bagi pelajar asing ini. Keadaan ini akan menimbulkan masalah pembelajaran Asas Bahasa Melayu kerana pelajar antarabangsa UPSI merangkumi pelajar dari pelbagai negara.





Mereka menuntut pelbagai bidang di pelbagai peringkat pengajian sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. Kehadiran pelajar antarabangsa ke UPSI semakin rancak apabila UPSI menerima jemputan menyertai *International Student Exchange Program* (ISEP) melalui surat Jabatan Penuntut Malaysia, Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Amerika Syarikat pada 24 Ogos 2010. ISEP merupakan jaringan 300 institusi di Amerika dan 42 negara lain yang beroperasi bagi menyediakan pengalaman pendidikan di peringkat antarabangsa kepada pelajar pelbagai negara. UPSI secara rasminya diterima menyertai ISEP melalui surat jemputan bertarikh 4 Januari 2011 sebagai universiti pertama di Malaysia yang menyertai rangkaian organisasi tersebut.



Pelajar yang terpilih pada kebiasaannya akan melalui ujian bertulis dan ujian bertutur dalam bahasa Inggeris sahaja. Setelah terpilih, para pelajar akan pergi ke negara pilihan mereka dan belajar di sana selama enam bulan hingga satu tahun. Berdasarkan Statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa UPSI, sehingga bulan Mei 2015 terdapat seramai 223 orang pelajar antarabangsa dari 21 buah negara yang menjadi pelajar di UPSI meliputi pelbagai bidang pengajian. pelajar antarabangsa di UPSI yang seharusnya diberi pendedahan tentang kemahiran berbahasa Melayu. Keadaan ini juga dijangka akan berterusan dan meningkat naik disebabkan oleh dasar pengantarabangsaan universiti. Tambahan pula dengan penubuhan Pusat Bahasa dan pengajian Umum UPSI pada 2016 turut merancakkan lagi kehadiran pelajar antarabangsa ini. Statistik bilangan pelajar antarabangsa boleh dilihat berdasarkan jadual berikut.





## Jadual 1.1

*Statistik Bilangan Pelajar Antarabangsa di UPSI Mengikut Negara*

Peringkat Pengajian					
Bil	Negara	Doktor Falsafah	Ijazah Sarjana	Ijazah Sarjana Muda	Jumlah.
<b>1.</b>	Indonesia	55	37	7	99
	Korea Selatan	-	-	5	5
	Sri Lanka	1	-	-	1
<b>2.</b>	Libyan Arab Jamahiriya	2	2	-	4
<b>3.</b>	United Kingdom	1	-	-	1
<b>4.</b>	Nigeria	4	1	-	5
<b>5.</b>	Pakistan	6	-	-	6
<b>6.</b>	China	1	1	8	10
<b>7.</b>	Jordan	3	-	-	3
<b>8.</b>	Thailand	3	3	17	23
<b>9.</b>	Singapura	5	-	-	5
<b>10.</b>	Iraq	6	4	-	10
<b>11.</b>	Syria	-	1	-	1
<b>12.</b>	Brunei Darussalam	-	-	1	1
<b>13.</b>	Turki	-	-	2	2
<b>14.</b>	Uzbekistan	1	1	-	2
<b>15.</b>	Namibia	-	-	38	38
<b>16.</b>	Bangladesh	-	1	-	1
<b>17.</b>	India	1	-	-	1
<b>18.</b>	Australia	-	-	1	1
<b>19.</b>	USA	-	-	4	4
<b>Jumlah</b>		<b>89</b>	<b>51</b>	<b>83</b>	<b>233</b>

(Sumber diubahsuai daripada Bahagian Hal Ehwal Antabangsa UPSI)





Berdasarkan statistik, jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa di UPSI ialah 233 orang, namun demikian, pada peringkat permulaan pembinaan kurikulum bahasa Melayu ini akan memfokuskan pelajar antarabangsa dalam bidang pengajian Ijazah Sarjana Muda sahaja, Hal ini berdasarkan faktor keberadaan mereka di UPSI sepanjang masa dan mampu memberi komitmen sepenuhnya untuk menghadiri kuliah berbanding dengan pelajar peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah yang jarang berada di UPSI atas komitmen melaksanakan kajian mereka.

